

Headline **Jualan papan gentian sawit disasarkan RM20J**
Date **24. Apr 2009** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **21**
Section **Ekonomi** Article Size **61** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Black/White**
AdValue



Jualan papan gentian sawit disasarkan RM20j

Oleh **SARAH NADLIN ROHIM**
sarah.rohim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 23-April - Agro-Bio Fibre Sdn. Bhd. (Agro-Bio) menyasarkan jualan papan gentian berketumpatan sederhana (MDF) berasaskan hampas kelapa sawit yang pertama di Malaysia, sebanyak RM20 juta pada tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Tai Hean Leng berkata, sasaran jualan itu berdasarkan peningkatan kapasiti sebanyak 30 peratus yang akan dibuat pada tahun ini dengan jumlah pelaburan melebihi RM3 juta.

"Pelaburan itu akan dibuat untuk meningkatkan peralatan pemprosesan seperti mesin dan penyelidikan mengenai teknologi terbaru bagi menambah pengeluaran MDF.

"Kami tidak banya memberi tumpuan kepada pengeluaran MDF, tetapi akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Per-

hutan Malaysia (FRIM) untuk menghasilkan papan gentian berketumpatan tinggi (HDF) juga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan FRIM di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas, Pengerusi Lembaga Ka-

jian dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB), Datuk Suboh Yassin dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Hean Leng berkata, buat permulaan, jualan disasarkan bagi pasaran domestik sahaja tetapi pada akhir tahun ini, Agro-Bio akan mula mengeksport produk tersebut ke Taiwan, Amerika Syarikat dan Timur Tengah.

Setakat ini, Agro-Bio telah melabur RM30 juta dalam tempoh 10 tahun untuk memajukan produk MDF yang pertama seumpamanya menggunakan 100 peratus hampas kelapa sawit (EFB) di negara ini.

"Pelaburan tersebut termasuklah penyelidikan dan membangunkan teknologi peralatan pemprosesan MDE Pembangunan teknologi ini juga dapat membantu menukarkan 23 juta tan metrik EFB kepada MDF dengan nilai komersial melebihi RM1.8 bilion.

"Kami juga berharap dapat mengeksport teknologi tersebut ke Indonesia dan Papua New Guinea yang mempunyai jumlah EFB yang tinggi juga dan dapat menyumbang perolehan sebanyak RM3 bilion kepada negara untuk tempoh lima tahun akan datang," jelasnya.

Setakat ini MDF digunakan sebagai bahan mentah untuk produk berasaskan kayu seperti perabot, kabinet dapur dan lantai.